


Arahan

Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan. Pilih **satu** jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan **hitamkan** ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.

1.	Cap mohor merupakan alat kebesaran Kesultanan Melayu Melaka.
	Apakah fungsi cap mohor tersebut?
A	Menjadi identiti sultan
B	Mengesahkan arahan sultan
C	Mengakui kedaulatan sultan
D	Mengukuhkan kekuasaan sultan
2.	Hukum Kanun Melaka mengandungi 44 Fasal.
	Apakah kandungan Fasal 1 tersebut?
A	Tugas Sultan
B	Peranan pembesar
C	Perbuatan jenayah
D	Elemen kekeluargaan
3.	Maklumat berikut berkaitan dengan perisytiharan yang dibuat oleh Thomas Jefferson.
	Sekiranya sesebuah kerajaan tidak dapat menjamin hak kehidupan, kebebasan dan kebahagiaan, maka menjadi hak penduduk untuk membentuk kerajaan baru.
	Apakah kesan daripada perisytiharan tersebut?
A	Revolusi Perancis
B	Revolusi Keagungan
C	Kemerdekaan Amerika
D	Perang Saudara Amerika
4.	Mengapakah peristiwa Dahagi India tercetus pada tahun 1857?
A	Mempertahankan sistem beraja
B	Menentang dasar imperialisme
C	Memperjuangkan hak asasi manusia
D	Membantah eksploitasi ekonomi oleh orang asing
5.	Apakah pendekatan yang digunakan oleh Katipunan untuk mencapai kemerdekaan di Filipina?
A	Kerjasama
B	Revolusi
C	Perjanjian
D	Rundingan

6. Rajah berikut berkaitan dengan dasar Jepun.



Apakah matlamat yang ingin dicapai oleh Jepun melalui Orde Baru Asia?

- A Penentangan imperialis Barat
- B Pengembalian peperangan
- C Persediaan peperangan
- D Pengukuhan ekonomi

7. Persidangan Damai Paris telah menghasilkan Deklarasi Empat Belas Perkara Woodrow Wilson. Apakah perkara yang terkandung dalam deklarasi tersebut?

- A Sistem monarki dipulihkan
- B Amalan realpolitik diharamkan
- C Rakyat disatukan melalui agama
- D Sempadan negara berasaskan bangsa

8. Jadual berikut berkaitan dengan kejayaan Jepun dalam bidang ketenteraan.

Tahun	Kejayaan
1895	Menewaskan China
1905	Menewaskan Rusia

Apakah kesan kejayaan tersebut terhadap negara kita?

- A Penguatkan sistem pertahanan
- B Perluasan kawasan pemerintahan
- C Kemunculan semangat nasionalisme
- D Kemantapan kuasa pemerintah tempatan

9. Maklumat berikut berkaitan dengan Dasar Pendudukan Jepun di negara kita.

Pentadbiran tentera Jepun memperkenalkan Ordinan Kawalan Barangan dan Bahan Penting untuk mengawal bekalan barangan.

Apakah kesan dasar tersebut kepada penduduk di negara kita?

- I Menghasilkan ciptaan baharu
- II Menjadikan rakyat lebih berdikari
- III Memupuk semangat berjimat cermat
- IV Mengimport makanan dari negara luar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10. British Military Administration (BMA) diperkenalkan di negara kita selepas tentera Jepun menyerah kalah.

Apakah tujuan British memperkenalkan BMA ?

- A Melatih penduduk tempatan
- B Memulihkan kepercayaan rakyat
- C Menangani demonstrasi penduduk
- D Menghalang kemasukan kuasa imperialis

11. Maklumat berikut berkaitan dengan perkembangan politik di Tanah Melayu.

Tahun	Peristiwa
1 April 1946	Malayan Union
1 Februari 1948	Persekutuan Tanah Melayu 1948

Apakah faktor yang menyebabkan British menggantikan Malayan Union dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- A Mengukuhkan dasar imperialisme
- B Kekuatan perpaduan orang Melayu
- C Memenuhi tuntutan golongan radikal
- D Kemasukan berterusan kaum imigran

12. Apakah kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948 terhadap negara kita?

- I Mewujudkan kerjasama kaum
 - II Memajukan penduduk tempatan
 - III Melonggarkan syarat kewarganegaraan
 - IV Mengembalikan kedudukan Raja-raja Melayu
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

13. Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan oleh penggans komunis di Tanah Melayu.

- Merosakkan ladang getah
- Menyerang 80 lombong bijih timah
- Mengganggu kerja di lombong

Mengapakah tindakan tersebut dilakukan?

- A Menuntut keadilan
- B Memperjuangkan hak
- C Menolak kuasa British
- D Melumpuhkan ekonomi British

14	Apakah kesan zaman darurat terhadap sosioekonomi di Tanah Melayu?
A	Mempercepatkan kemerdekaan
B	Menyebabkan penderitaan rakyat
C	Peningkatan jumlah warganegara
D	Penubuhan Malayan Chinese Association (MCA)

15.	Sistem Ahli diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu pada tahun 1951.
	Apakah matlamat sistem tersebut diperkenalkan?
A	Pengekalan terhadap pemerintahan beraja
B	Persediaan ke arah berkerajaan sendiri
C	Pengukuhan kuasa politik bumiputera
D	Penjimatan perbelanjaan kerajaan

16.	Maklumat berikut berkaitan dengan parti politik yang ditubuhkan di Tanah Melayu.				
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Tarikh</th> <th>Peristiwa</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1946</td> <td>Penubuhan Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO)</td> </tr> </tbody> </table>	Tarikh	Peristiwa	1946	Penubuhan Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO)
Tarikh	Peristiwa				
1946	Penubuhan Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO)				
	Apakah tujuan penubuhan parti tersebut?				
A	Mengurangkan kemasukan imigran				
B	Mengeratkan perpaduan pelbagai kaum				
C	Menghalang pelaksanaan Malayan Union				
D	Menuntut kemerdekaan Tanah Melayu				

17.	Mengapakah Pilihan Raya Umum di Persekutuan Tanah Melayu diadakan pada tahun 1955?
I	Mengawal pemberian kerakyatan kepada orang asing
II	Memperkuh kerjasama rakyat dalam politik
III	Mempercepat proses kemerdekaan tanah air
IV	Menghalang kemasukan kaum imigran
A	I dan II
B	I dan IV
C	II dan III
D	III dan IV

18. Tokoh-tokoh berikut telah dilantik dalam satu jawatankuasa.



Apakah persamaan tugas tokoh-tokoh tersebut?

- A Merangka perlembagaan
- B Memajukan kegiatan ekonomi
- C Menasihati raja dalam pentadbiran
- D Mencadangkan rang undang-undang

19. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan isi Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?

- I Kewarganegaraan melalui dua cara
 - II Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
 - III Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan
 - IV Sultan menjadi ahli Majlis Perundangan Persekutuan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

20. Senarai berikut berkaitan persediaan jawatankuasa fizikal untuk menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara.

- Membina stadium
- Mencipta lagu kebangsaan
- X

Apakah X ?

- A Membina Istana Negara
- B Menempah bendera dari Jepun
- C Menganjurkan kursus protokol
- D Menyediakan baju khas untuk menteri

21. Apakah takrif kedaulatan mengikut bahasa Arab?

- A Kekuatan semangat kekitaan
- B Kemerdekaan sesebuah negara
- C Kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan
- D Keinginan memperjuangkan kesejahteraan

22. Senarai berikut menunjukkan kandungan yang terdapat dalam Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

- Pentadbiran
- Kuasa Raja Melayu
- Perundangan
- X

Apakah kandungan X?

- A Kewangan
- B Agama Islam
- C Pemilikan tanah
- D Kewarganegaraan

23. Mengapakah Perlembagaan Persekutuan dipinda sekali lagi pada tahun 1965?

- A Singapura keluar daripada Malaysia
- B Perisytiharaan Persekutuan Malaysia
- C Pengenalan jawatan Yang di-Pertuan Negeri
- D Sabah dan Sarawak meminda peruntukan negeri

24. Apakah bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong dari aspek perundangan?

- A Mengisytiharkan darurat
- B Melantik Perdana Menteri
- C Mempunyai kuasa pengampunan
- D Menerima menghadap diplomat asing

25. Malaysia mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen.

Bagaimanakah raja berperanan bagi mengimbangi pemerintahan demokrasi?

- A Sokongan rakyat
- B Menggunakan kuasa mutlak
- C Berkecuali dalam hal politik
- D Kerjasama dengan parti politik

26. Senarai berikut berkaitan dengan peruntukan tambahan kepada Senarai Negeri bagi Sarawak dan Sabah.

- Undang-undang dan adat anak negeri
- Mahkamah anak negeri
- Kereta api di Sabah

Mengapakah peruntukan tambahan tersebut diberikan kepada Sabah dan Sarawak?

- A Memajukan ekonomi
- B Mentadbir kerajaan tempatan
- C Melaksanakan kerjasama politik
- D Menyesuaikan kemasukan dalam Malaysia

27. Senarai berikut berkaitan penubuhan Majlis Negara.

- Majlis Tanah
- Majlis Kewangan Negara

Apakah tujuan majlis tersebut dibentuk?

- A Mengukuhkan kuasa kerajaan Persekutuan
- B Memperuntukkan kuasa khusus kepada Kerajaan Negeri
- C Menyelaraskan pentadbiran kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
- D Menyeragamkan undang-undang Perlembagaan Persekutuan dan negeri

28. Berikut merupakan pegawai British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu.

- Sir Geofroy Tory
- Sir Gerald Templer
- Sir Malcolm MacDonald

Apakah persamaan idea yang pernah dikemukakan oleh tokoh-tokoh tersebut pada akhir abad ke-19?

- A Pembentukan Malaysia
- B Pengisytiharan darurat
- C Menamatkan konfrontasi
- D Melaksanakan dekolonisasi

29. Apakah rasional idea pembentukan Malaysia yang dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj pada tahun 1960?

- I Menjalankan pasaran bebas
- II Mendapatkan pengiktirafan PBB
- III Membendung ancaman komunis
- IV Mempercepatkan kemerdekaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30. Mengapakah Singapura dipisahkan daripada Malaysia?

- A Ancaman daripada parti komunis
- B Enggan mematuhi dasar kerajaan
- C Meminta naungan pihak British
- D Menentang pilihan raya negeri

31. Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia pada tahun 1966-1970 dilaksanakan di semua negeri dengan melibatkan Sarawak dan Sabah.

Apakah isu yang dihadapi dalam rancangan tersebut?

- A Kadar kelahiran sangat tinggi
- B Membangunkan perindustrian
- C Menyusun semula masyarakat
- D Ketinggalan dalam bidang pertanian

32. Maklumat berikut berkaitan usaha membina perpaduan kaum dan integrasi nasional.

- Penekanan kepada mata pelajaran Sejarah
- Mewajibkan mata pelajaran Tatarakyat

Apakah jawatankuasa yang mengemukakan cadangan tersebut?

- A Ordinan Pelajaran
- B Jawatankuasa Kabinet
- C Laporan Rahman Talib
- D Kajian Aminuddin Baki

33. Apakah prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan ?

- A Mengangkat elemen tradisional
- B Menjadikan Islam unsur penting
- C Mengutamakan karya seni bermutu
- D Mengesahkan kekuasaan kerabat diraja

34. Gambar berikut merupakan logo 1 Murid 1 Sukan.



Mengapakah dasar tersebut dilaksanakan di sekolah?

- A Melahirkan atlet berkaliber
- B Mengharumkan nama sekolah
- C Memupuk semangat setia kawan
- D Mengkaji kriteria pembangunan sukan

35. Agensi berikut ditubuhkan selaras dengan hasrat kerajaan meningkatkan ekonomi rakyat.

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

Bagaimanakah agensi tersebut membantu penduduk di kawasan luar bandar ?

- A Menyediakan bantuan kaunseling
- B Mengusahakan tanaman jangka pendek
- C Membuka tanah baharu untuk pertanian
- D Mewujudkan Industri Kecil dan Sederhana

36. Maklumat berikut merupakan ciri Taman Teknologi Perindustrian.

- Kulim Hi-Tech Park, Kedah
- Di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia
- X
- Y

Apakah X dan Y ?

- I Merupakan bandar terancang
 - II Menawarkan insentif pelepasan cukai
 - III Menjalankan penyelidikan dan inovasi
 - IV Membangunkan teknologi perindustrian
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

37. Senarai berikut merupakan negara-negara yang telah mengadakan hubungan luar dengan Malaysia.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Mesir • Yaman |
|--|

Apakah faktor penggubalan dasar luar Malaysia dengan negara-negara tersebut?

- | | |
|---|-------------|
| A | Nasional |
| B | Diplomatik |
| C | Keagamaan |
| D | Perdagangan |

38. Malaysia menjalin kerjasama ekonomi dengan negara Komanwel.
Apakah manfaat yang diperoleh Malaysia?

- | | |
|-----|-------------------------------------|
| I | Mendapat kemudahan kredit |
| II | Menikmati cukai yang rendah |
| III | Mengadakan perjanjian pertahanan |
| IV | Mengeratkan hubungan negara anggota |

- | | |
|---|------------|
| A | I dan II |
| B | I dan IV |
| C | II dan III |
| D | III dan IV |


39. Maklumat berikut berkaitan dengan tohmahan yang melanda masyarakat Islam.

<p>Masyarakat Islam sering dikaitkan dengan 3K iaitu keganasan, kemiskinan dan kemunduran</p>

Bagaimanakah Malaysia menghadapi tohmahan tersebut?

- | | |
|---|---|
| A | Melancarkan kempen anti-barat |
| B | Mengetengahkan nilai kesederhanaan |
| C | Mengeratkan hubungan dengan negara barat |
| D | Menyeru anggota OIC mengukuhkan ketenteraan |

40. Peta berikut menunjukkan kedudukan Kepulauan Spratly di Laut China Selatan.



Kedudukan Kepulauan Sparty di Laut China Selatan.

Mengapakah kepulauan tersebut menjadi rebutan?

- A Kesuburan tanah
- B Keluasan wilayah
- C Kepentingan perdagangan
- D Keindahan alam semulajadi